

KEPADA ANGGOTA IKHWĀN

Saudara-saudaraku anggota *Ikhwān*!

Alḥamdu�لله syukur kita ucapan kepada Allah *Subḥānahu* *wa Ta’ālā* bahawa sambutan Hari Raya pada tahun ini adalah lebih meriah dan lebih baik daripada tahun-tahun yang lepas kerana di merata-rata tempat masjid penuh sesak oleh umat Islam untuk sembahyang berhari raya bertahmid dan bertakbir membesarakan kebesaran Ilahi dan bersyukur kepada limpah kurnia yang telah diberinya untuk kebahagiaan hidup manusia di bumi ini supaya lebih-lebih lagi berbakti dan bertawāḍuk kepadanya.

Di dalam hal ini bukannya sahaja kita bersyukur dengan hanya melihat itu sahaja tetapi apabila kita melihat, apabila kita memerhatikan kemahuan dan keluasan dada umat Islam menghadirkan dirinya ke hadapan Tuhan bersama-sama itu, maka ertiannya kepada kita yang insaf bahawa itu adalah menambah lagi tanggungjawab kita sebagai umat Tuhan yang sujud dan tunduk kepada-Nya, yang taat kepada perintahnya supaya kita lebih-lebih bergiat menanamkan keyakinan dan kepercayaannya kepada membesarakan *Ilahi*.

Saudara-saudara anggota *Ikhwān*!

Kita mengetahui bahawa kita umat Melayu ini adalah satu umat yang telah mempunyai adat pandai sekali meniru segala apa pun yang ada ditunjukkan dihadapan-Nya dari dunia-dunia lain- lidah kita lembut dalam meniru bahasa-bahasa lain, fasih di dalam berkata-kata dengan bahasa orang lain, orang-orang kita mudah meniru dalam segala apa pun dan

mudah menerima pengaruh daripada jenis-jenis yang lain sebab itu kegembiraan berhari raya dan melihat ramainya mereka itu menyujudkan dirinya di hadapan Tuhan pada hari raya itu hendaklah kita tamping bersama-sama, kita alirkan kepada satu aliran yang diredhai Tuhan dan kewajipan pelaksanaan itu tidak lain dan tidak bukan dipertanggungjawabkan kepada sekalian umat Islam umumnya dan kepada sekalian umat anggota *Ikhwān* khususnya kerana anggota-anggota *Ikhwān* itu telah pun berjanji dan mengaku menyeru orang kepada jalan kebaikan dan menegah daripada jalan kejahanatan dan mengaku menjadi *missionary* menjadi orang yang mendakwahkan Islam dengan melaksanakan

Sudahkah tuan-tuan menjadi anggota Ikhwān

